

PPM PATAH CUBAAN SELUDUP BARANG SUBSIDI

June 9, 2020



Oleh ARDYHANSAH AMAT

TAWAU: Seorang lelaki tempatan, 30, ditahan selepas dipercayai terbabit dalam aktiviti penyeludupan barangan bersubsidi di perairan berhampiran Bandar Tawau, di sini, semalam.

Dalam kejadian jam 5.45 petang itu, suspek ditahan ketika dalam perjalanan ke Indonesia dari Tawau, menaiki sebuah bot.

Pegawai Pemerintah Markas Operasi Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah 4 Tawau, Deputy Superintendan Mohd Nazari Ismail berkata, terdahulu pihaknya melakukan Ops Benteng Covid-19 di sekitar perairan daerah ini, sebelum mengesan pergerakan sebuah bot dalam keadaan mencurigakan.

"Pegawai dan anggota PPM kemudian menghampiri lokasi bot yang dikemudi seorang lelaki dan bertindak menahannya.



"Pemeriksaan ke atas bot tersebut berjaya menemui beberapa barangan bersubsidi seperti 204 kilogram gula, tepung jagung dan tepung pulut," katanya.

Ketika ditahan, suspek gagal mengemukakan sebarang dokumen kebenaran pemilikan barangan itu dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Tambah Mohd Nazari, sehubungan itu, pihaknya merampas semua barangan tersebut termasuk bot dan enjin dengan anggaran nilai keseluruhan sebanyak RM21,703.40 bagi membantu siasatan.

"Kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 dan suspek dan barang rampasan diserahkan kepada KPDNHEP untuk tindakan lanjut," katanya.

<https://www.borneotoday.net/ppm-patah-cubaan-seludup-barang-subsidi/>